

02/03/1997

PM sahkan hadir sidang kemuncak OIC

KUALA LUMPUR: Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, menerima undangan untuk menghadiri sidang kemuncak Pertubuhan Persidangan Islam (OIC) kelapan di Teheran Disember ini.

Dr Mahathir memberikan pengesahan berkenaan kepada Menteri Luar Iran, Dr Ali Akbar Velayati yang mengunjunginya di pejabatnya di sini, semalam.

Velayati sudah menyerahkan jemputan yang ditulis sendiri dan ditandatangani Presiden Iran, Hashemi Rafsanjani.

"Kita bersetuju bahawa agenda sidang kemuncak itu perlu lebih praktikal," kata Velayati kepada pemberita selepas pertemuan itu.

Beliau berkata, mereka juga berbincang mengenai perpaduan ummah dan dunia Islam serta hubungan antara negara Islam.

Malaysia adalah persinggahan pertama Velayati ke rantau ini untuk menyerahkan jemputan bagi sidang kemuncak itu.

Selepas ini, beliau akan melawat Indonesia dan Brunei Darussalam.

Mengenai kumpulan lapan negara membangun Islam (D-8) yang ditubuhkan baru-baru ini, Velayati berharap ia dapat menjalin hubungan erat dengan OIC.

Beliau berkata, D-8 yang lebih berorientasikan ekonomi sudah mengadakan dua mesyuarat peringkat menteri di Turki.

Satu sidang kemuncak antara pemimpin negara D-8 dijadual diadakan tidak lama lagi.

Sementara itu, Menteri Luar, Datuk Abdullah Ahmad Badawi, berkata Malaysia berharap sidang kemuncak OIC di Teheran dapat mencari formula untuk menyelesaikan masalah politik serta membangunkan negara anggota.

Beliau berkata, Malaysia memandang serius sidang kemuncak itu kerana sebahagian negara anggota kini menghadapi masalah politik yang membantutkan pembangunan negara berkenaan.

Abdullah menyampaikan pandangan itu dalam pertemuan dengan Dr Ali Akbar.

Saya dan Velayati turut membincangkan perkembangan terbaru di Afghanistan dan Asia Tengah terutama isu Palestin.

"Saya menyatakan harapan Malaysia supaya Iran menggunakan pengaruhnya untuk menyelesaikan pertikaian di Afghanistan yang semakin berlarutan dan membimbangkan.

"Kita juga harap Iran akan menggunakan peluang sebagai tuan rumah sidang kemuncak OIC ini untuk mencari formula bagi membantu negara anggota dengan lebih berkesan," katanya.

Selain itu, Abdullah mengesahkan Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim akan mewakili Malaysia ke persidangan khas OIC di Islamabad, Pakistan yang dijadualkan pada 23 Mac ini.

Menurutnya, persidangan itu diadakan sempena sambutan ulang tahun ke-50 negara berkenaan.

"Ini adalah komitmen kita terhadap masa depan serta kepentingan negara anggota OIC.

"Kita harap negara anggota mengubah fungsi OIC supaya lebih berkesan," katanya.

Mengenai Kumpulan D-8, Abdullah berkata, D-8 ialah forum untuk mencari kaedah serta pendekatan yang sesuai bagi membolehkan negara Islam yang sedang membangun, membantu meningkatkan taraf hidup negara Islam lain.

Penubuhan kumpulan itu dicadangkan oleh Turki dan pada Januari lalu, lapan Menteri Luar OIC dari Malaysia, Bangladesh, Mesir, Indonesia, Iran, Turki, Nigeria dan Pakistan bermesyuarat di Istanbul bagi membincangkan

cadangan berkenaan.

(END)